

Kuasa politik kekal jika terus bersatu

BUTTERWORTH, Ahad — Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Encik Muhyuddin bin Haji Md Yassin, berkata hari ini, kuasa politik yang dipegang oleh orang-orang Melayu akan dapat dikekalkan selagi orang-orang Melayu terus bersatu padu dalam UMNO.

Encik Muhyuddin berkata, soal ini perlu diperjuangkan oleh setiap ahli parti bagi memastikan UMNO terus menjadi teras kepada perjuangan orang-orang Melayu.

Encik Muhyuddin menegaskan demikian semasa merasmikan kursus sivik di Sekolah

Kebangsaan Permatang Pauh, 10 km dari sini.

Beliau berkata, UMNO terus berkembang di seluruh negara dan ini membuktikan parti itu sebenarnya diterima oleh orang-orang Melayu.

Hakikat

Encik Muhyuddin menolak dakwaan yang mengatakan orang-orang Melayu sentiasa berpecahbelah.

Katanya, "Dakwaan seperti itu tidak benar. Pada hakikatnya orang-orang Melayu bersatu padu menerusi UMNO. Ini terbukti dengan kian bertambahnya penubuhan cawangan-cawangan UMNO yang baru."

Beliau berkata, hampir setiap kampung di seluruh negara kini mempunyai cawangan UMNO.

"UMNO sebagai sebuah parti teras Kerajaan sebenarnya tidak dapat dipisahkan dari orang-orang Melayu," tambah beliau.

Encik Muhyuddin berkata, semua dasar yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan sekarang ialah hasil dari hasrat yang disuarakan oleh orang-orang Melayu menerusi UMNO.

Perkauman

Beliau menolak dakwaan setengah golongan yang mengatakan UMNO sebuah parti perkauman.

Apa yang sebenarnya berlaku ialah UMNO bukan sahaja memperjuangkan hasrat orang-orang Melayu, malah untuk semua kaum di negara ini.

Oleh kerana itu, jelasnya, dasar perjuangan UMNO diterima oleh semua pihak tanpa tentangan.

Mengenai kedudukan ekonomi orang-orang Melayu pula, Encik Muhyuddin berkata parti itu akan terus berjuang untuk meluaskan pengaruh ekonomi mereka.

Ini, katanya, adalah selaras dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia